

TARIKH : 1.8.2019 (KHAMIS)  
MEDIA : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 37

## FGV pengeluar BioCG terbesar di dunia

**Kuala Lumpur:** FGV Holdings Berhad (FGV) bakal menjadi pengeluar gas asli mampat bio (BioCG) terbesar di dunia yang dihasilkan daripada sisa biogas dari kilang minyak kelapa sawit milik syarikat perladangan itu.

Pengeluaran BioCG itu akan dilaksanakan menerusi kerjasama tiga pihak mem-babitkan anak syarikat milik FGV, iaitu FGV Palm Industries Sdn Bhd (FGVPI) ber-sama Sime Darby Energy So-lutions Sdn Bhd (SEDES) dan Biotek Dinamik Sdn Bhd (BDSB).

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV Datuk Haris Fadzilah Hassan berkata, BioCG berpotensi tinggi un-tuk dijadikan pengganti bagi bahan bakar seperti diesel bagi kegunaan kenderaan serta industri pengeluaran.

Beliau berkata, FGV ketika ini mengeluarkan kira-kira 170 juta meter kubik biogas setahun dari 30 kilang pe-ngeeluarannya sebagai bi pro-

“**Dalam kerjasama tiga pihak ini, setiap peserta akan menggunakan kepakaran serta kekuatan masing-masing bagi memastikan usaha sama ini dapat dilaksanakan dengan jayanya**”

**Haris Fadzilah Hassan**

duk yang terhasil dari bahan buangan kilang minyak sa-wit.

Menurutnya, ia adalah bersamaan dengan satu hingga 1.5 juta liter diesel dapat dihasilkan daripada satu kilang pengeluaran mi-nyak kelapa sawit FGV.

“Dalam kerjasama tiga pi-hak ini, setiap peserta akan menggunakan kepakaran serta kekuatan masing-masing bagi memastikan usaha sama ini dapat dilaksanakan

dengan jayanya.

“FGVPI akan menye-diakan tapak kilang, bekalan biogas dan bahan buangan kelapa sawit serta meman-tau perjalanan dan kelicinan projek itu secara teratur.

“Setelah projek itu dilan-carkan sepenuhnya, FGV akan mempunyai tapak yang paling banyak dan penge-luaran BioCG terbesar di du-nia yang dimiliki oleh se-buah syarikat perladangan,” katanya pada sidang media selepas majlis menandata-ngani perjanjian persefaha-man (MoU) bagi pembangu-nan perniagaan BioCNG an-tara tiga pihak itu di sini, semalam.

Kerjasama itu adalah bagi membangunkan perniagaan BioCG bagi skala komersial yang mana ia turut mem-babitkan pembangunan ber-potensi untuk 35 tapak tanah yang boleh dan belum di-bangunkan yang dimiliki FGVPI untuk tempoh bebe-rapa tahun.